

## Sejarah Kemunculan Undang-undang Keluarga Islam di Selatan Thailand

### Historical Existence of Islamic Family Law in Southern Thailand

ROHANEE MACHAE  
ABDUL BASIR MOHAMAD

#### ABSTRAK

*Pemerintahan Thailand telah melalui empat zaman, iaitu bermula dengan zaman Sukhothai, Ayuthaya, Kerung Thon Burhi dan Krung Ratana Kosin. Undang-undang keluarga Islam dilaksanakan bermula sejak zaman Sukhothai dengan cara tidak rasmi sehingga pada zaman Krung Ratana Kosin. Kerajaan zaman Pra Chullachom Kelau Chau Yuhua telah menggubal sebuah undang-undang keluarga Islam dan dapat dilaksanakan secara rasmi pada tahun 1945. Semenjak itu, penggunaan undang-undang keluarga Islam dapat dilaksanakan di empat wilayah Selatan Thai iaitu Patani, Yala, Naratiwat, dan Satul. Undang-undang ini dinamakan dengan "Lak Kodmai Islam Waduaiu Krobkrua Law Morodok" (Kaedah Undang-Undang Islam: Keluarga dan Pusaka). Kemudian pihak kerajaan melantik seorang hakim Islam yang dikenali sebagai Datok Yutitam bagi menyelesikan masalah kekeluargaan yang timbul dalam masyarakat.*

*Kata kunci:* Thailand; undang-undang keluarga Islam; selatan Thailand; Datok Yutitam

#### ABSTRACT

*The reign of Thailand has gone through four eras beginning with the reign of Sukhothai, Ayuthaya, Kerung Thon Burhi and Krung Ratana Kosin. The Islamic family law has informally been implemented since the time of Sukhothai until the time of Krung Ratana Kosin. However, in the time of Thailand governed by Pra Chullachom Kelau Chau Yuhua, he has ordered to be drafted a statute of Islamic family law and it was implemented officially in 1945. Since then, the Islamic family law has been implemented in four southern Thai provinces of Pattani, Yala, Naratiwat, and Satul. This statute has been named as "Lak Kodmai Islam Waduaiu Krobkrua Law Morodok" (Rules of Islamic Law: Family and Inheritance). Then the government has appointed a few judges to adjudicate family cases in the society.*

*Keywords:* Thailand; Islamic family law; Southern Thailand; Datok Yutitam

#### PENDAHULUAN

Undang-undang Islam merupakan salah satu ajaran Islam yang berdasarkan kepada akidah, akhlak dan undang-undang syariat Islamiyyah yang tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain. Undang-undang keluarga Islam menjadi satu ajaran penting yang dilaksanakan dalam masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk di wilayah selatan negara Thailand.

#### KEMUNCULAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI THAILAND

Sejarah kemunculan undang-undang keluarga Islam di Selatan Thailand berlaku secara berperingkat sehingga menjadi sebuah undang-undang keluarga Islam yang sempurna dan diguna pakai dalam masyarakat di Selatan Thai. Kemunculan ini telah

berlaku pada zaman pemerintahan Sukhothai hingga pemerintahan Kerung Ratana Kosin. Keadaan ini terjadi dalam tempoh yang agak lama sehingga dapat dinyatakan dalam sejarah Thailand bahawa zaman pertama yang muncul undang-undang keluarga ialah seperti berikut:

#### ZAMAN PEMERINTAHAN SUKHOTHAI

Pemerintahan kerajaan Thailand yang pertama bermula pada zaman Sukhothai, iaitu bermula pada tahun 1219-1237. Pada zaman ini, raja yang memerintah adalah seramai sembilan orang raja iaitu, Raja Pho Kun Ram Kham Heng, Pho Kun Intratit, Pho Kun Ban meang, Praya Lerthai, Praya Ngunam Tum, Pra Maha Racha 1, Pra Maha Racha 2, Pra Maha Racha 3 dan Pra Maha Racha 4 (Matya Ingknarod et al. 1986). Pemerintahan pada zaman ini adalah pemerintahan yang menggunakan sistem bapa menjaga anak (Thanom

Ananwath et al. 1979), iaitu pemerintah mendengar keperluan rakyat. Pemerintahan pada zaman ini juga menguasai beberapa tempat yang luas sehingga boleh menguasai daerah Lanna. Walaupun dapat menguasai kawasan yang luas, perhubungan dengan negara lain tetap diadakan supaya dapat menambahkan hasil negara melalui perdagangan dua hala.

Kemudian, kerajaan pada masa itu telah mengadakan hubungan perniagaan dengan beberapa negara Islam. Hubungan perniagaan ini berlanjut hingga pada masa pemerintahan zaman Ayuthaya. Pada masa itu, para peniaga daripada Parsi Iran, dan beberapa buah negara Arab lain telah datang ke negeri Patani, kerana ia adalah sebuah bandar pantai dan pusat perniagaan yang tersohor. Ekoran daripada itu, negari Patani menjadi sebuah negeri dengan percampuran pelbagai budaya kerana dibawa masuk oleh para pedagang asing tersebut. Bermula dari situlah Islam datang dan tersebar di wilayah Patani sehingga sampai ke Tanah Melayu pada waktu itu. Kedatangan Islam kali pertama adalah melalui ibu kota negara Thailand, semenjak permulaan pemerintahan yang pertama zaman Sukhothai, dan pada abad ini ramai penduduk tempatan telah memeluk agama Islam.

MRW Kukrit Pramote seorang ahli akademik terkenal sekaligus mantan Perdana Menteri Thailand menjelaskan bahawa orang Islam telah wujud dalam negara Thailand semenjak awal sejarah kerajaan Thai, kerana agama Islam sudah tiba ke Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia lebih awal daripada orang-orang yang berpindah daripada Selatan Yunan (Kukrit t.t.). Kemasukan Islam kali kedua ialah melalui Patani yang merupakan sebuah negara Melayu yang dikenali sebagai wilayah Patani pada masa itu. Sejarah kemasukan Islam ini telah dijelaskan oleh Bangnara. Beliau menyatakan bahawa Islam sampai ke Patani pada abad yang ke-10. Beberapa bukti menyatakan bahawa Islam mula tersebar dalam kalangan rakyat biasa terlebih dahulu, kemudian sampai kepada pegawai pemerintah. Menurut rekod, Raja Patani memeluk agama Islam pada pertengahan abad 15 iaitu sekitar tahun 932 (Bangnara 1997).

Terdapat bukti yang menjelaskan pada zaman Sukhothai, undang-undang keluarga telah diwujudkan semasa pemerintahan Pho Khun Ram Kham Henag. Bukti ini diperolehi ketika penemuan Batu Shila Charekh I. Selain itu, telah banyak

pakar arkeologi yang berusaha untuk membaca dan mengkaji berkaitan dengan undang-undang keluarga yang ditulis dalam penemuan batu itu. Namun, dalam hal undang-undang keluarga yang telah diwujudkan, tidaklah sempurna untuk dilaksanakan dalam masyarakat Thai pada waktu itu. Hanya dalam undang-undang tersebut dijelaskan beberapa hal yang berhubung kait dengan sistem sesebuah keluarga, antaranya perhubungan di antara keluarga, kekuasaan bapa lebih kuat daripada ibu dan saudara mara. Namun, dalam batu bertulis tersebut tidak terdapat penjelasan mengenai hal ehwal perkahwinan secara terperinci (Kasem Shiriphan 1996).

Dalam sejarah Thailand, tidak ada bukti yang menyatakan bahawa ada kawasan lain di negara tersebut selain daripada wilayah Selatan Thai yang menggunakan undang-undang keluarga Islam. Namun, terdapat sumber sejarah yang membuktikan bahawa ramai orang Islam dari negara asing pada zaman Sukhothai apabila mereka menghadapi masalah kekeluargaan mereka akan bertemu raja untuk menyelesaiannya. Kemudian, raja membuat keputusan dengan berpandukan undang-undang keluarga Islam sebagai panduan (Narong Puangpit 1980). Maka dapatlah dikatakan dalam sudut amaliah bahawa undang-undang keluarga Islam sudah digunakan pada zaman ini.

#### ZAMAN PEMERINTAHAN AYUTHAYA

Zaman Ayuthaya merupakan satu zaman pemerintahan selepas zaman Sukhothai. Tempoh antara dua zaman ini ialah seratus tahun. Raja-raja yang memerintah pada zaman ini adalah seramai 33 orang yang memerintah antara tahun 1350-1767, iaitu selama 417 tahun. Kemudian, Ayuthaya menjadi tempat yang terkenal bagi orang asing dari sudut perniagaan, kerana kawasan ini dikelilingi sungai. Sistem pemerintahan yang digunakan pada zaman ini tidak sama dengan zaman pemerintahan Sukhothai, kerana terdapat beberapa perkara yang berbeza dengan zaman Sukhothai seperti kawasan pemerintahan yang lebih luas, jumlah rakyat yang lebih ramai dan telah berlaku percampuran budaya yang agak kompleks antara orang asing dengan masyarakat tempatan. Maka pada zaman ini raja menggunakan pemerintahan bentuk Buranayasitirath (Matya Ingknarod et al. 1986) (kekuasaan atas raja). Dalam pemerintahan ini semua kekuasaan dimiliki oleh raja.

Beliau berhak memiliki kekayaan bumi dan rakyat tidak boleh mengatasi atau membantah keputusan yang dibuat oleh raja. Pemerintahan ini dinamakan sebagai Summutiteph (Tuhan bagi rakyat), maka tidak sama dengan pemerintahan yang berlaku pada zaman Sukhothai yang memerintah menggunakan sistem bapa menjaga anak.

Pada zaman Ayuthaya ini, catatan undang-undang keluarga telah hilang kerana ia telah dibakar oleh pihak kerajaan Burma ketika ia menguasai Ayuthaya.

Pada tahun 1904 sudah ada pertumbuhan undang-undang keluarga yang dinamakan “Kodmaay Phua-mia” (undang-undang antara suami dan isteri) yang merangkumi 141 seksyen (Thanom et al. 1979). Undang-undang ini dilaksanakan apabila berlaku kes perceraian antara Khun Krai Narai dan isterinya (Perachau 1897) yang mana telah diputuskan mengikut hukum undang-undang tersebut. Undang-undang keluarga antara suami dan isteri ini masih dipengaruhi oleh kandungan daripada kitab suci dari India yang merebak ke negara Kemboja, Myanmar, Laos dan Thailand.

Kemudian, pada tahun 1905, di zaman pemerintahan Raja Pra Ekatusarud, beliau telah mengemaskinikan isi undang-undang keluarga dengan melarang pihak lelaki atau perempuan berkahwin dengan orang asing untuk menjaga rahsia kerajaan. Hal ini disebabkan kerana adanya ketakutan rahsia kerajaan boleh diketahui oleh negara musuh. Tindakan yang diambil ke atas orang yang berkahwin dengan orang asing adalah penjara seumur hidup atau diseksa sampai mati (Pholprasith 1992).

Pada zaman pemerintahan Ayuthaya tidak ada bukti yang menyatakan bahawa undang-undang keluarga Islam dilaksanakan, kerana pada pemerintahan zaman ini tersebut telah terjadi perrusuhan dengan kerajaan Burma dan juga negara-negara lain. Maka kerajaan tidak ada peluang untuk mengambil perhatian tentang undang-undang keluarga dan begitu juga undang-undang lain. Walaupun pada zaman ini telah dibuat perhubungan dengan orang asing yang datang untuk perniagaan, tetapi dalam sejarah pertumbuhan undang-undang keluarga tidak terdapat rekod kerajaan pernah membuat keputusan berhubung kes undang-undang keluarga Islam.

#### ZAMAN PEMERINTAHAN KERUNG THON BURHI

Selepas kejatuhan Ayuthaya kepada Burma pada tahun 1767, maka kerajaan tidak ada kuasa untuk mendirikan negara, sehingga pada tahun 1768 seorang yang bernama Seen dapat mengumpul rakyat bagi membangkitkan semangat untuk melawan kerajaan Burma dan mengambil kembali kota Ayuthaya. Kemudian, pada tahun ini mereka dapat mengembalikan Kota Ayuthaya dan menguat kuasa pemerintahan sekali lagi, tetapi mereka tidak mendirikan kota Ayuthaya sebagai bandar pemerintahan, kerana kota Ayuthaya sudah hancur dibakar oleh kerajaan Burma.

Justeru, Pra Chautaksin setelah beliau dilantik sebagai Jawatankuasa Raja daripada rakyat beliau mengisytiharkan Krung Tonburhi menjadi bandar pemerintahan sehingga tahun 1782 (Sanan Meangwong 1975). Pemerintahan pada zaman ini menggunakan sistem pemeritahan yang sama dengan zaman Ayuthaya, cuma dibuat sedikit perubahan dengan menukar bandar Mahana Khon menjadi empat bahagian iaitu bandar Ekk, Tho, Three, dan Chatawa (Sanan 1975).

Undang-undang keluarga yang digunakan pada zaman ini sama seperti pada zaman Ayuthaya iaitu dengan menggunakan undang-undang “Kodmaay Phua-mia” (undang-undang antara suami dan isteri). Perkara yang menjadi faktor penyebab undang-undang keluarga tidak dikemaskinikan ialah pada zaman ini kerajaan masih sibuk dengan beberapa siri peperangan di samping tempoh pemerintahan adalah sangat singkat.

Begitu juga, tidak ada bukti yang menyatakan bahawa undang-undang keluarga Islam telah digunakan untuk memutuskan kes kekeluargaan. Maka pada zaman ini, undang-undang keluarga Islam tidak memainkan peranan penting kepada masyarakat Islam pada waktu itu.

#### ZAMAN PEMERINTAHAN KRUNG RATANA KOSIN

Dalam catatan sejarah Thailand, zaman Krung Ratana Kosin bermula pada tahun 1782. Pertumbuhannya bermula daripada kerajaan Krung Thonburhi dia digantikan dengan seorang raja baharu yang bernama Pra Phutta Yodfa ChulalokMaharach supaya menjadi pemimpin. Beliau memindahkan ibu kota

pemerintahan daripada Krung Thonburhi kepada Krung Ratana Khosin.

Pemerintahan Krung Ratana Khosin bermula pada tahun 1783 yang terdiri daripada beberapa orang raja seperti berikut (Matya Ingknarod et al. 1986):

1. Pra Bath Somdeth Pra Phutta Yodfa Chulalok tahun 1783-1809.
2. Pra Bath Somdeth Pra Phutta Lethla Npalai tahun 1809-1824.
3. Pra Bath Somdeth Pra Nangklau Chauyuhua tahun 1824-1851.
4. Pra Bath Somdeth Pra Chomkalu Chauyuhua tahun 1851-1868.
5. Pra Bath Somdeth Pra Chulachom Klauchauyuhua tahun 1868-1910.
6. Pra Bath Somdeth Pra Mungkud Klauchauyuhua tahun 1910-1925.
7. Pra Bath Somdeth Pra Pokklau Klauchauyuhua tahun 1925-1934.
8. Pra Bath Somdeth Pra Chauyuhua Ananmahidul tahun 1934-1946.
9. Pra Bath Somdeth Pra Chauyuhua Pumipol Adulyadeth tahun 1946 sehingga sekarang.

Pemerintahan raja pada zaman ini menggunakan nama R.1 sehingga R.9. Pemerintahan yang digunakan pakai pada zaman ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu secara Racha Thipathai (Absolute Monarchy) dan Rathamanon (Democracy). Bahagian pertama bermula pada pemerintahan R.1-7 dan bahagian kedua daripada R.7-8 (Sanan 1975).

Pada zaman ini, Raja Pra Phutta Yodfa Chulalok (R.I) menggubal undang-undang keluarga yang baharu dengan mengekalkan undang-undang keluarga yang lama. Undang-undang ini telah disusun dan disempurnakan kandungannya oleh sebelas orang pakar undang-undang semasa ini yang dilantik secara langsung oleh raja terdiri daripada tiga golongan, iaitu pihak yang bertugas untuk mengumpulkan bahan rang undang-undang, pihak kehakiman dan para sarjana atau pakar undang-undang. Golongan yang terakhir ini bertugas meneliti kekurangan yang mungkin wujud dalam rang undang-undang keluarga tersebut serta memperbetulkannya.

Seterusnya, Raja Pra Phutta Yodfa Chulalok menggubal undang-undang keluarga baharu yang disebut dengan "Khod Mhay Tra Sam Duang" pada tahun 1804 (Paradi 1989) yang menyatakan tentang kebebasan memilih pasangan hidup. Hal ini dapat

dilihat dalam Akta Undang-Undang Keluarga Thai tahun 1804 M tentang tradisi yang dibatalkan apabila terdapat keterpaksaan dalam suatu perkahwinan (Wimulsiri 1966).

Pada tahun 1908, Raja Chullachom Kelau Chauyuhua telah menubuhkan suatu lembaga khas yang disebut dengan "Lembaga Pengarah Perancis" yang ditugaskan untuk memeriksa dan membuat perbandingan antara undang-undang keluarga Thailand dengan undang-undang keluarga negara lain, seperti undang-undang keluarga daripada Inggeris, Perancis, Jerman, Switzerland, Itali, Belanda, Amerika, dan Jepun. Matlamatnya adalah untuk menjadikannya sebagai bahan rujukan bagi mewujudkan undang-undang sivil dan komersial pada masa itu. Setelah melalui proses yang panjang, maka undang-undang sivil dan komersial dapat diselesaikan serta dilaksanakan dalam negara Thailand pada tarikh 1 Disember 1935 (Prasopsuk 1998). Undang-undang keluarga dalam undang-undang sivil ini mengandungi hal yang barhubung kait dengan kaedah melamar, perkahwinan, nafkah dan penjagaan anak.

Pada permulaan sejarah undang-undang RS.120, undang-undang keluarga dapat dilaksanakan oleh orang Islam dengan ditubuhkan mahkamah Krom Tha. Mahkamah Krom Tha Sai untuk membicarakan kes-kes orang Cina. Sedangkan mahkamah Krom Tha Khwa untuk membicarakan kes-kes orang bangsa Khek (sebutan untuk orang Islam pada masa itu). Mahkamah Krom Tha Sai menggunakan pakai undang-undang adat tempatan oleh kerana orang Cina tidak mempunyai undang-undang serta adat budaya yang tetap mengenai hal ehwal keluarga dan pusaka. Oleh itu, mahkamah Krom Tha Sai menerima pakai undang-undang Thai untuk membicarakan kes-kes orang Cina. Bagi pihak bangsa Khek pula yang beragama Islam, mereka mempunyai undang-undang dan adat yang jelas tentang keluarga dan harta pusaka. Oleh itu, mahkamah Krom Tha Khwa merujuk kepada undang-undang Islam untuk orang Islam.

Bagi empat wilayah yang terdiri daripada wilayah Patani, Naratiwat, Yala dan Satul yang majoritinya beragama Islam, maka al-Quran dan al-Sunnah menjadi panduan utama dalam kehidupan mereka. Berbeza dengan majoriti masyarakat negara Thailand yang menganut agama Buddha. Sehinggalah pada masa pemerintahan Raja Pra Chullachom Kelau Chau Yuhua, beliau ingin melindungi fahaman agama lain supaya masyarakat dapat mengerjakan ibadat masing-

masing mengikut agama masing-masing dengan bebas. Maka, beliau menggubal sebuah undang-undang yang disebut sebagai “Peraturan Untuk Pentadbiran” bagi dilaksanakan dalam kawasan tujuh kepala negeri RS.120 pada tarikh 10 Disember 1901 (Bhudhachak 1986).

Dalam undang-undang pentadbiran ini dijelaskan bahawa segala hal yang berhubung kait dengan hal ehwal orang Islam hendaklah mengikut peruntukan undang-undang Islam yang dilaksanakan kepada orang yang beragama Islam, termasuklah undang-undang jenayah, keluarga dan harta pusaka. Tidak kira seorang Islam itu sebagai plaintiff ataupun defendant. Kesemuanya mesti dilaksanakan dan diputuskan mengikut undang-undang Islam di bawah hakim yang beragama Islam.

Kawasan tujuh kepala negeri yang melaksanakan undang-undang Islam terdiri daripada Patani, Nongchik, Yarang, Saibhuri, Yala, Raman, dan Rangek. Wilayah Satul pada masa itu tidak termasuk dalam kawasan tujuh kepala negeri. Oleh itu, wilayah Satul tidak dapat melaksanakan undang-undang Islam. Kemudian pada masa pemerintahan Raja Pra Mungkud Klauchauyuhua, beliau bertitah untuk menyatukan wilayah antara Satul dan Phuket, kerana wilayah Satul telah diketahui sebagai kawasan yang ramai penduduknya beragama Islam. Selain itu wilayah Satul juga tidak boleh menerima mahkamah yang ditumbuhkan oleh Kerajaan Siam yang beragama Buddha yang tentunya apabila mahkamah itu wujud, maka akan dilaksanakan undang-undang Buddha kepada orang-orang Islam dalam menyelesaikan masalah, sedangkan ia suatu yang tidak dapat diterima oleh masyarakat beragama Islam.

Pada peringkat awal, keadaan ini telah menimbulkan konflik antara pemerintahan wilayah Satul dengan Kerajaan Pusat Siam. Dalam keadaan yang cemas itu, seorang ketua wilayah yang bernama Praya SmanTeras Buhrin bertindak membuat surat permohonan kepada kerajaan supaya menubuhkan sebuah mahkamah di wilayah Satul yang berlandaskan agama Islam serta menggunakan undang-undang Islam. Permohonan itu pada akhirnya dikabulkan pada tahun 1909, maka bermulalah pelaksanaan undang-undang Islam di wilayah Satul (Piphat 1971).

Pada tarikh 1 Oktober 1935, kerajan Thai memaklumkan bahawa mereka akan menggunakan undang-undang Sivil dan Komersial yang berlandaskan pada buku 5 tentang undang-undang

keluarga dan buku 6 tentang harta pusaka. Namun, pelaksanaan undang-undang ini tidaklah menjelaskan kepada “peraturan tujuh kepala negeri” yang masih dilaksanakan di wilayah Patani, Nongchik, Yarang, Saibhuri, Yala, Raman, Rangek, serta wilayah Naratiwat dan Satul. Hal ini kerana dalam peraturan undang-undang buku 5 dan buku 6 telah dinyatakan bahawa undang-undang ini tidak akan menyentuh undang-undang yang termaktub dalam “peraturan tujuh kepala negeri” yang berkaitan dengan undang-undang keluarga dan pusaka Islam.

Undang-Undang Keluarga dan Harta Pusaka Islam yang telah dilaksanakan di wilayah tujuh kepala negeri boleh dikatakan sebagai pengganti terhadap undang-undang sivil dan komersial yang diguna pakai dalam negara Thailand pada umumnya. Dalam undang-undang keluarga Islam tersebut, pada peringkat pertama mengandungi prinsip-prinsip ajaran Islam, akidah dan ibadah yang selari dengan syariat Allah SWT. Semua undang-undang tersebut bersumberkan daripada al-Quran dan al-Sunnah yang dituliskan dalam tulisan Jawi dan bahasa Arab (Piphat 1971). Seorang Kadi (yang disebut sebagai Datok Yutitam) yang berkebolehan dalam bahasa Jawi dan Arab, maka dia tidak akan menghadapi sebarang masalah apabila hendak mengambil rujukan daripada kitab-kitab *turath* mahupun tafsir al-Quran apabila menemui sebarang kemusyikan terhadap keskes yang ditangani dalam undang-undang tersebut. Namun, bagi Datok Yutitam yang hanya mampu berbahasa Siam, maka akan menemui berbagai kesukaran dalam membaca undang-undang yang berbahasa Arab dan Jawi tersebut.

Pada tahun 1930, Mahkamah Patani memberikan tugas kepada Tengku Cik Denudom dan Tuk Kadi supaya menggubal undang-undang lama yang berkaitan dengan keluarga dan pusaka. Penggubalan tersebut selesai pada tahun 1932 M. Kemudian, diadakan pula proses pentashihan yang dilakukan oleh beberapa orang kadi dan hakim. Pentashihan ini selesai pada tahun 1941.

Di samping itu, Kementerian Keadilan mengarahkan agar undang-undang Islam itu dijadikan panduan asas untuk para kadi dalam menjalankan perbicaraan di mahkamah. Undang-undang Islam ini juga diterjemahkan ke dalam bahasa Siam dan dirangka untuk menjadi sebuah undang-undang yang sempurna pada tahun 1941. Undang-undang ini dinamakan dengan *Lak Kodmai Islam Waduaiu*

*Krobkrua Law Morodok* (Kaedah Undang-Undang Islam: Keluarga dan Pusaka). Undang-undang itu bersumberkan daripada kitab-kitab fiqh yang kemudian dijadikan sebagai bahan untuk menyusun akta undang-undang keluarga Islam. Selain itu, istilah-istilah khas yang terdapat dalam fiqh ditetapkan penggunaannya seperti mana sediakala agar tidak mengelirukan dalam aplikasinya. Namun, istilah-istilah itu juga diberikan makna yang mencukupi agar mudah difahami dalam melaksanakan hukumnya.

Penggubalan dan pentashihan undang-undang tersebut memakan masa dua belas tahun, usaha ini dilakukan oleh dua kumpulan ahli hukum. Kumpulan pertama ialah kadi yang arif tentang hukum Islam tetapi tidak mahir berbahasa Thai, terutama sekali penggunaan istilah undang-undang. Manakala kumpulan kedua terdiri daripada hakim yang tidak mempunyai latar belakang langsung tentang undang-undang Islam. Undang-undang keluarga dan pusaka ini digubal mengikut peraturan penyusunan akta undang-undang yang dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian mukadimah, bab satu dan bab dua. Bab satu adalah bab keluarga yang mengandungi lima bahagian, manakala bab dua adalah bab pusaka yang mengandungi enam bahagian.

Dalam sejarah Patani dinyatakan bahawa undang-undang keluarga Islam pernah dibatalkan penggunaannya kepada empat wilayah di Selatan Thai. Ia terjadi semasa pemerintahan Chomphul Phibul Songgram (semasa pemerintahan R.5) ketika menjadi Ketua Menteri Thailand. Pada tahun sebelum terjadi perang dunia kedua telah terjadi kegelisahan penduduk Melayu di Selatan Thai, dengan wilayah Patani menjadi sebagai pusat gerakan ulama dan pemuka masyarakat Melayu yang hendak mengemukakan bantahan kepada kerajaan Siam. Selepas perang dunia kedua selesai, maka kekuasaan Chomphul Phibul Songgram menjadi bertambah kuat. Hal ini terjadi setelah peristiwa perampasan kuasa yang terjadi pada tarikh 24 Jun 1932 sehingga menyebabkan bertambahnya kekecwaan orang Melayu di Selatan Thai terhadap Kerajaan Siam. Rampasan ini telah menukar corak pemerintahan Bangkok daripada pemerintahan beraja secara mutlak kepada pemerintahan beraja secara berperlembagaan (Ahmad Fathy 2002).

Pada permulaannya, pemimpin-pemimpin baru Siam tidak melakukan apa-apa perkara yang mengusarkan hati orang-orang Melayu, tetapi

apabila Chomphul Phibul Songgram memegang kuasa pada tahun 1940, bermulalah orang-orang Melayu mendapat tekanan yang kuat. Di bawah pemerintahan Chomphul Phibul Songgram bermulalah dasar kebudayaan “meng-siam-kan” semua rakyat bagi mencapai matlamat kebangsaan bahawa “rakyat Thai” mempunyai bahasa yang sama, agama yang sama dan kebudayaan yang sama. Di bawah dasar ini undang-undang dibuat bagi memaksa rakyat Thai memakai pakaian mengikut budaya Barat dan Eropah seperti berseluar, bertopi, bergaun serta berbaju pendek.

Selain itu, sebahagian daripada kempen memajukan budaya Siam, agama Buddha juga dijadikan sebagai agama rasmi negara dan agama Islam dihalang daripada diamalkan secara berleluasa. Langkah ini digunakan untuk memastikan bahawa rakyat Thai hanya beragama Buddha sahaja. Lebih hebat lagi apabila orang-orang Melayu Islam di daerah Saiburi (Taluban) telah dipaksa untuk menyembah berhala Buddha serta anak-anak mereka diperintahkan untuk memasuki sekolah-sekolah kebangsaan Siam, iaitu pada tiap-tiap harinya murid-murid mesti menghormati dan menyembah patung Buddha (Ibrahim Syukri 2002).

Seterusnya tindakan keras telah diambil bagi mengharamkan penggunaan bahasa Melayu di pejabat-pejabat kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan yang boleh berbahasa Melayu dilarang keras bercakap dengan menggunakan bahasa Melayu dan mesti menggunakan bahasa Thai (bahasa Siam) dalam semua urusan yang dilakukan di pejabat pemerintah. Lebih teruk lagi, pihak pemerintah memaksa orang-orang Melayu yang bekerja di pejabat pemerintahan atau memegang jawatan kerajaan untuk menukar nama mereka kepada nama Siam, di samping mengharamkan semua jawatan tinggi kepada orang Melayu.

Pada tahun 1943, sebagai bahagian dari kempen kebudayaan Rathanitum Thai, maka Chomphul Phibul Songgram telah memansuhkan penggunaan undang-undang terdahulu yakni undang-undang buku 5 dan 6, dan memaklumkan untuk menggunakan undang-undang yang baharu berdasarkan undang-undang Siam Buddha. Dengan perubahan undang-undang ini menyebabkan timbul masalah ke atas orang Melayu di empat wilayah di Selatan Thai iaitu, Patani, Yala, Naratiwat dan Satul. Ini adalah kerana undang-undang tersebut bercanggah dengan hukum Islam.

Pada tahun 1944, Chomphul Phibul Songgram menghapuskan jawatan kadi dan Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah di wilayah Patani, Yala, Narathiwat dan Satul. Selain itu ia juga membatalkan perundangan Islam mengenai perkahwinan, cerai dan pembahagian harta pusaka. Segala perbicaraan yang berkenaan dengan urusan Islam ini telah dipaksa untuk mengikut undang-undang sivil kerajaan dan diputuskan oleh mahkamah Siam (Nik Anuar 2007). Akibat permansuhan itu, seluruh rakyat Patani dan wilayah-wilayah yang majoriti masyarakatnya beragama Islam bersatu untuk membuat bantahan terhadapnya. Tindak balas secara keras dari kerajaan Siam terhadap isu tersebut semakin menambahkan kebencian orang Melayu terhadap kerajaan Siam. Tuan Haji Sulong sebagai Yang Dipertua dalam persatuan, kemudian membangkitkan rakyat Patani untuk mengemukakan bantahan terhadap pemansuhan itu dan juga beberapa perkara lain yang telah mencetuskan kegelisahan dalam kalangan orang Melayu di Patani. Rakyat Patani menganggap beliau sebagai juru bicara bagi menyampaikan hasrat mereka kepada kerajaan walaupun tidak ada perlantikan rasmi mengenainya pernah dibuat. Untuk mengukuhkan pengubalan undang-undang baru ini, Haji Sulong mendirikan satu majlis yang bernama *Haiat Munfizat Ahkam Syariat al-Fatani* bertempat di Madrasah al-Muarrif al-Wataniah. Majlis tersebut kemudian mengadakan pertemuan untuk melantik tiga orang tokoh Islam tempatan sebagai Kadi agama Islam. Perincinya sepetimana berikut (Nik Anuar 2007):

1. Haji Sulong bin Abdul Kadir bagi wilayah Patani (beliau sebagai pengurus Majlis Agama Islam bagi tiga wilayah Patani, Yala, dan Naratiwat).
2. Haji Wan Mohamad bin Idris Bermin, bagi wilayah Yala.
3. Haji Abdul Majid Embong bin Haji Abdullah Ishak, bagi wilayah Narathiwat.

Selepas mendirikan Majlis Agama Islam, Haji Sulong kemudian mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli Majlis Agama Islam lain berserta para ulama dan orang-orang kenamaan seluruh Patani untuk merumuskan perkara yang menjadi hasrat bersama dan membuat cadangan dari masyarakat Islam Patani kepada Suruhanjaya pada 3 April 1947. Berdasarkan rumusan dari perbincangan itu, Haji Sulong membuat keputusan untuk mengemukakan

tujuh tuntutan kepada kerajaan Siam sepetimana berikut (Muhammad 1996):

1. Perlantikan seorang individu Islam sebagai wakil kerajaan Siam yang berkuasa penuh untuk mentadbir keempat-empat wilayah iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satul dan mempunyai kuasa memecat, menggantung atau menggantikan pegawai-pegawai kerajaan. Individu ini hendaklah dilahirkan di salah satu daripada ke empat-empat buah wilayah tersebut dan perlantikannya hendaklah dengan persetujuan para penduduk di wilayah-wilayah tersebut.
2. Lapan puluh peratus daripada pegawai kerajaan yang akan berkhidmat di wilayah-wilayah tersebut mestilah beragama Islam.
3. Bahasa Melayu dan Bahasa Siam hendaklah dijadikan sebagai bahasa rasmi.
4. Bahasa Melayu hendaklah dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah.
5. Undang-Undang Islam hendaklah diiktiraf dan dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah.
6. Kesemua hasil dan pendapatan yang diperolehi daripada keempat-empat wilayah itu hendaklah digunakan di wilayah yang berkenaan.
7. Pembentukan sebuah badan yang mempunyai kuasa penuh untuk menguruskan semua hal-ehwal orang Islam yang berada di bawah tanggungjawab Ketua Negeri.

Daripada tuntutan itu jelas bahawa Haji Sulong tidak hendak memperjuangkan sebuah negara yang merdeka tetapi sebuah kerajaan autonomi yang mempunyai identiti kebudayaan dan politik yang tersendiri dalam lingkungan wilayah Melayu. Dalam tuntutan yang berkaitan dengan masalah perundangan Islam dan Mahkamah Syariah, Haji Sulong menuntut supaya kerajaan menyerahkan tanggungjawab itu kepada para ulama untuk menguruskannya. Haji Sulong menganggap campur tangan kerajaan Siam dalam hal ehwal perundangan Islam adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Justru beliau menuntut supaya Mahkamah Syariah diasingkan daripada kawalan kerajaan.

Selepas Haji Sulong menyerahkan tuntutan itu, Chaem Promyong atau Mustapha Samsuddin, selaku Chularajamontri (institusi yang menjadi perantara antara masyarakat Islam dengan kerajaan untuk mengeruskan semua hal yang berkaitan dengan urusan agama Islam di dalam Negara Thailand)

berjanji akan mengemukakan tuntutan tersebut kepada pihak pemerintah kerajaan Siam yang pada masa itu telah dipimpin oleh Perdana Menteri Thamrong Nawasawat. Malangnya, beliau tidak menerima tuntutan Haji Sulong itu. Dalam jawapannya pada 9 Ogos 1947 melalui surat Kementerian Kehakiman, Kerajaan Siam memaklumkan bahawa kerajaan tidak dapat meluluskan tuntutan untuk memisahkan Mahkamah Syariah dari Mahkamah Sivil dan juga tuntutan autonomi dengan alasan ia bertentangan dengan perlembagaan negeri (Muhammad 1996). Perlu juga disebutkan di sini bahawa semasa Haji Sulong mengemukakan tuntutannya, pemerintahan sedang menghadapi krisis politik dalam. Dalam keadaan demikian amat sukar bagi Thamrong untuk menerima tuntutan Haji Sulong, kerana jika tuntutan itu diterima ia akan memburukkan lagi suasana politik di Bangkok.

Thamrong Nawasawat sebagai Perdana Menteri Siam ternyata mempunyai pandangan politik yang berbeza dengan Pridi Phanomyang (iaitu seorang Perdana Menteri pada pemerintahan berikutnya) berhubung masalah tentang masyarakat minoriti. Beliau agak berkeberatan untuk menerima tuntutan mewujudkan sebuah pentadbiran khas bagi keempat-empat wilayah di Selatan Thai di bawah kekuasaan seorang Pesuruhjaya Tinggi yang beragama Islam. Kerajaan Thamrong sebaliknya membuat peraturan baru bagi orang Islam di empat buah wilayah, iaitu melantik Datuk Yutitam menjadi kadi di empat wilayah berkenaan dan menjadi Penasihat Undang-undang Sivil (Muhammad 1996). Datuk Yutitam diberi kuasa dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan harta pusaka sahaja, dan tidak memiliki kuasa dalam hal ehwal Islam secara keseluruhannya. Datuk Yutitam hanya dapat memberi pandangan dan nasihat kepada hakim-hakim kerajaan. Jika pandangannya itu dapat diterima maka akan diterima atau jika tidak boleh diterima maka mereka boleh menolaknya.

Pada tahun 1946, Kerajaan Siam mengembalikan perundangan Islam yang telah dibatalkan semasa pemerintahan Chomphul Phibul Songgram. Kembalinya perundangan ini memberikan kesempatan kepada orang Melayu untuk dapat mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat yang beragama Islam. Seterusnya undang-undang Islam ini dilaksanakan di empat wilayah iaitu, Patani, Yala, Naratiwat dan Satul.

## KESIMPULAN

Sejarah membuktikan bahawa negara Thailand mempunyai empat zaman pemerintahan yang bermula daripada zaman Sukhothai, Ayuthaya, Kerung Thon Burhi dan Krung Ratana Kosin. Kemudian dalam pemerintahan ini undang-undang keluarga Islam mula dilaksanakan pada zaman Sukhothai dengan cara tidak rasmi sehingga pada zaman Krung Ratana Kosin kerajaan zaman Pra Chullachom Kelau Chau Yuhua menggubal sebuah undang-undang keluarga Islam dan dapat dilaksanakan dengan cara rasmi pada tahun 1945. Semenjak itu, penggunaan undang-undang keluarga Islam boleh dilaksanakan pada empat wilayah di Selatan Thai. Undang-undang ini dinamakan dengan “*Lak Kodmai Islam Waduai Krobkrua Law Morodok*” (Kaedah Undang-Undang Islam: Keluarga dan Pusaka).

Pertumbuhan dan perkembangan Undang-Undang Keluarga Islam di Selatan Thai diiringi oleh peristiwa-peristiwa yang mencemaskan sebelum akhirnya berjaya digubal dan dikuatkuasakan secara rasmi untuk rakyat Muslim di Selatan Thai. Pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang Islam di Selatan Thai adalah satu kegembiraan dan kepentingan terhadap orang Islam. Kerajaan kemudian menujuhkan sebuah insitusi yang menjadi tempat urusan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam dan ia memiliki beberapa peranan dalam pelaksanaannya. Datuk Yutitam adalah seorang kadi yang dilantik oleh kerajaan untuk membicara dan memutuskan masalah-masalah yang berkenaan dengan undang-undang keluarga Islam, dan bagi sebuah Majlis Agama Islam dilantik seorang Datuk Yutitam sahaja.

## RUJUKAN

- Ahmad Fathy al-Fatani. 2002. *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bangnara.1997. *Patani Dahulu dan Sekarang*. Bangkok: Bangkok Panel.
- Bhudhachak Somboon. 1986. Kamchai kodmai Islam nai khet changwad Pattani Naratiwat Yala lae Satul (The implementation of Islamic law in Pattani Naratiwat Yala and Satul). Tesis Master.Chulangkorn University.
- Ibrahim Syukri. 2002. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kasem Shiriphan. 1996. *Prawath sath Kodmay Thai*. Bangkok: Universiti Tammashat.

- Kukrit Pramote. t.th. Khwam Phenma Khong Muslim Nai Prates Thai. Makalah Sebaran Parti Kic Song Khom. t.pt.
- Matya Ingknarod, Twi Thongsawang, Watana Rodsamang. 1986. Prawatsat *Thai Smaiboran-Krung Ratana Kosin (Sejarah Thailand zaman dahulu - Krung Ratana Kosin)*. Bangkok: Wangburapa.
- Muhammad Kamal K. Zaman. 1996. Fatani 13 Ogos. Kelantan: N.P.
- Narong Puangpit. 1980. *Prawatsat Thai Tiga: Prawatsat Kran Pokkrong lek Kran Meang Thai*. Bangkok: Sangrungr.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Mohd. Zamperi A. Malek. 2007. *Tamadun dan Sosio-Politik Melayu Patani*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954M*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paradi Mhakhan. 1989. *Penthan Arayatham Thai*. Bangkok: Odian Stor.
- Perachau lukya Ter krom men Rachaburi diredhreth. 1897. Kodmay Rashaburi. t.tp.
- Pholprasith Rethraksa. 1992. *Kokid Kab Stree Thai Mea Samee Chod Tabean Son*. Bangkok: Wiyachon.
- Piphat Chakrangkun. 1971. *Khod Mhai Islam*. Bngkok: Botbandit.
- Prasopsuk Bundet. 1998. *Kham Atibay Pramual Khod Mhay Peng Le'Panith*. Bangkok: Nitibannakran.
- Sanan Meangwong. 1975. *Prawatsath Thonburhi-Ratana Kosin*. Bangkok: Aksonsamai.
- Thanom Ananwath, Somkid Shising, Phaitul Mikusul, Puangroi Klomiang & Twisak Lomlim. 1979. *Prawatsat Thai (Sejarah Thailand)*. Bangkok: Sengrung.
- Wimulsiri Chamnan. 1966. *Kan Som Rod Khab Khon Tang Daw*. Bangkok: Nitisatthamasat.
- Rohanee Machae  
\*Abdul Basir bin Mohamad  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D. E.  
MALAYSIA
- \*abasir@ukm.edu.my

